



Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014 • disunting oleh: Zamri Arifin, Maheram Ahmad, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Lazim Omar, Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, Khazri Osman, Al Muslim Mustapa & Mohd Shahrizal Nasir • ©Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA • ISBN 978-967-5478-78-9



PENGGUNAAN HURUF (YĀ') DALAM I'RAB KAJIAN TERHADAP PELAJAR MADRASAH ALSAGOFF AL-ARABIAH, SINGAPURA.

Zauwiah binte Abidin,¹ Azhar Muhammad²

zauwiah_abidin@alsagoff.edu.sg

¹ Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura,

² Jabatan Fakulti Tamadun Islam, UTM, Johor Bahru.

Abstrak: Huruf Yā' merupakan salah satu huruf *hijaiyyah* yang mempunyai pelbagai fungsi dalam sintaksis bahasa Arab. Justeru, kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti kemampuan pelajar dalam menghubungkan fungsi huruf Yā' dalam *i'rab* melalui metod kualitatif. Berpandukan kerangka teori Taksonomi Bloom untuk mengukur tahap kognitif responden, ujian bertulis, temu bual dan perbandingan cara mereka menganalisis fungsi Yā' di dalam *i'rab* dikenalpasti. Hasil dapatan menunjukkan kemampuan pelajar dalam menghubungkan fungsi huruf Yā' dengan *i'rab* terbahagi kepada beberapa aras seperti mengingat, memahami dan menganalisis. Oleh itu, dapatan dari kajian ini dijangka dapat membantu para pengajar merangka, mempelbagaikan dan menambahbaik pengajaran bahasa Arab khususnya bagi subjek sintaksis.

Kata Kunci : Huruf Yā', *I'rab* , Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura.

PENGENALAN

Sintaksis Arab merupakan salah satu ilmu yang amat mendalam dan meluas kerana ia berkait rapat dengan kitab suci al-Quran (Suhaila Zailani *et al*, 2012). Menurut Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*, ilmu sintaksis merupakan cabang utama dalam mempelajari bahasa Arab dan salah satu dari empat rukun yang amat penting untuk memahami al-Quran, Sunnah dan hukum-hukum Syari'ah. Justeru, kegagalan menguasai ilmu ini mampu menjejaskan pemahaman seseorang walaupun hanya sepotong ayat. Ringkasnya, mempelajari sintaksis adalah signifikan kerana ia merupakan salah satu cara untuk memahami maksud al-Quran (Janudin Sardi, 2009).

LATARBELAKANG KAJIAN

Madrasah Alsagoff Al-Arabiah yang dibina pada tahun 1912 di Singapura merupakan bangunan wakaf yang diberi oleh Syed Mohamed bin Ahmed. Ia beroperasi sebagai sebuah sekolah yang memberi penekanan terhadap subjek agama dan bahasa Arab. Secara tepat, subjek sintaksis Arab mula diperkenalkan kepada pelajar seawal peringkat rendah darjah empat supaya pelajar mampu menguasai pembelajaran bahasa Arab dengan baik dan mengaplikasikan tatabahasa sintaksis Arab dalam struktur ayat, baik dalam pelajaran bahasa Arab mahupun pendidikan Islam. (Majalah Assirat, 1982).

Susunan silibus yang teliti dalam subjek sintaksis sudah dipraktikkan bermula pada ketika pelajaran ini diperkenalkan. Buku utama yang digunakan ialah *'Al-Nahwu al-Arabiyy'* sebanyak tiga jilid yang disusun oleh al-Marhum ustaz Syed Muhammad Alwie al-Idrus. Ia kini telah ditambahbaik, disunting dan dikenali sebagai *al-Nahw al-Arabiyy al-Jadid'* (1999).

Susunan tajuk dalam buku tersebut banyak membahaskan tentang huruf *Yā'* dan penggunaannya yang pelbagai walau ia tidak dihimpunkan dalam satu tajuk besar. Akibatnya, kesinambungan silibus juga tidak dapat dihubungkan secara langsung. Sebagai contoh dalam tajuk *al-Ma'lūm wa al-Majhūl*, contoh : *du'ya*, tidak menyentuh huruf *Yā'* pada keseluruhana kerana hanya beberapa contoh sahaja yang boleh didapati huruf *Yā'* iaitu jika berlaku pertukaran dari *al-Ma'lūm* kepada *al-Majhūl* pada hujung huruf *mu'tal*.


Contoh lain adalah fungsi antara *Yā' al-Mutakallīm* dan *Yā' al-Muannathati al-Mukhātabah* (*damīr* anti) - *Yā' fā'l* yang bermaksud pelaku. " يا بنتي لا تلعبى كثيرا ", *Yā bintī lā tal'bī kathīran*. Penggunaan *Yā'* keduanya adalah sama, baik dalam penulisan mahupun bunyian namun ia membawa maksud dan pengertian yang berbeza dan tiada kaitan antara satu sama lain.

Oleh itu, tenaga pengajar perlu mengaitkan semula topik yang lepas dalam pengajarannya kerana usaha tersebut akan berkesan kerana pelajar akan sentiasa mengingati *qawā'd* sintaksis Arab dan seterusnya dapat mengurangkan risiko berlaku kekeliruan dan kesukaran pada peringkat yang lebih tinggi.

HURUF YĀ' DALAM I'RAB

Dalam sintaksis bahasa Arab, huruf yang mempunyai peranan sebagai kata peranti iaitu kata tugas yang mempunyai makna sendiri ialah huruf *Hamzah, Tā', Sīn, Fā', Kāf, Lām dan Wāw* (Mohd Zaki Abd. Rahman, 2001). *Lisān al-A'rab* dan *Al-Mu'jam al-Wasīṭ* juga menyatakan bahawa huruf *Yā'* berperanan sebagai kata peranti.

Lisān al-Arab (2010) ada menyatakan bahawa huruf *Yā'* terbahagi kepada dua kategori iaitu, (i) pelbagai fungsi bagi penambahan huruf *Yā'* pada akhir perkataan, (ii) tiada sebarang makna kepada huruf *Yā'* di akhir perkataan tetapi membawa makna keseluruhan perkataan tersebut. Berikut adalah gambar rajah yang menunjukkan kepelbagaian fungsi huruf *Yā'* di dalam sintaksis Arab.



Rajah (1) : Fungsi Huruf *Yā'* Dalam *I'rab*

Rajah (1) jelas menunjukkan kepelbagaian fungsi huruf *Yā'* yang mempengaruhi setiap maksud dan makna dari *qawā'd* sintaksis Arab yang berbeza. Pembahagian kategori

pertama iaitu pelbagai fungsi boleh dibahagikan kepada beberapa pecahan lain. Sebagai contoh, *Yā' nasab* يَدَوِيّ (*yadawiy*) mempunyai gabungan sintaksis dan morfologi, *Yā' ḍamīr* غلامِي (*ghulāmī*) dan ضَرَبَنِي (*darabanī*) pula merupakan *Yā'* bermaksud ganti nama saya dengan fungsi yang berlainan, غلامِي (*ghulāmī*) *Yā' ḍamīr* bersandar dengan *iḍāfah* (kata terbitan) yang membawa makna kepunyaan manakala ضَرَبَنِي (*darabanī*) *Yā' ḍamīr* sebagai kata penyambut iaitu *maf'ūlun bihi*. Begitu juga dengan contoh *Yā' al-muthannā muḍāf* طالِبِي المَدْرَسَةِ (*tālibay al-madrasah*) yang berfungsi sebagai *mansūb* ataupun *majrūr* yang membawa maksud dua pelajar sekolah.

Pembahagian kategori kedua pula iaitu huruf *Yā'* yang tiada fungsi tetapi membawa makna keseluruhan perkataan tersebut setelah digabungkan dengan huruf-huruf lain. Sebagai contoh : الرَّأْيِ (*al-ra'y*) iaitu bermaksud 'pendapat'. Perkataan *al-ra'y* bila dimasukkan ke dalam struktur ayat, hukumnya akan berubah sama ada *al-ra'yu* atau *al-ra'ya* atau *al-ra'yi* bersesuaian dengan hukum struktur ayat yang ditulis.

Ringkasnya, huruf *Yā'* mempunyai banyak fungsi yang perlu difahami dan dikuasai kerana perannya yang banyak dan besar dalam pembentukan perkataan, penggunaan ayat dan pengaplikasian makna.

PENGGUNAAN HURUF YĀ' BERDASARKAN I'RAB DALAM SINTAKSIS

Huruf *Yā'* dalam sistem *i'rab* mempunyai kaitan dengan tiga cabang ilmu bahasa Arab yang lain iaitu, sintaksis, morfologi dan fonetik.

Pertama: Sintaksis

Menurut Abdul Ghani (1999), *i'rab* adalah perubahan tanda (fleksi) pada akhir sesuatu perkataan berpunca daripada setiap bentuk perkataan sebelumnya. Dapatan kajian yang dijalankan oleh Ashinda (1998) lebih menjurus kepada hukum *qawa'id* iaitu penggunaan antara *al-Idāfat* dan *al-Na'at* dan tidak menjurus kepada kekeliruan di dalam *i'rab*. Sebagai contoh, (جاء ولَدُ الحَسَنِ) telah datang murid lelaki yang baik, selalu ditulis dengan cara sedemikian sedangkan ayat yang betul adalah (جاء الولدُ الحَسَنُ). Setelah dianalisis, ayat tersebut hanya berkisar sekitar kekeliruan penggunaan *qawaid* namun dari segi makna tetap membawa satu maksud iaitu kata sifat 'yang baik'. Oleh itu ia tidak mungkin berlaku dalam bentuk sandaran (*iḍāfah*).

Kedua: Morfologi

Huruf *Yā'* dalam morfologi mempunyai kedudukan tersendiri di dalam sistem *i'rab* yang berkaitan dengan kaedah sintaksis. Ia boleh dilihat di dalam jadual berikut:

Jadual 1: Kaitan Huruf *Yā'* dengan Morfologi dan Sistem *I'rab*

No.	Jenis (Yā')	Contoh	Kedudukan Yā' di dalam I'rab
1	<i>Yā' al-muannathati al-mukhāṭabah</i> (<i>ḍamīr anti</i>) ياء المؤنثة المخاطبة (بضمير أنت = فاعلا)	لَا تَكْتُبِيْ : <i>lā taktubī</i>	رفع فاعل <i>rafa'</i> sebagai pelaku
2	<i>Yā' al-mutakallīm seperti : Yā' Muḍāf(un) Ilaihi</i> ياء المتكلم (الياء تكون مضافا إليه)	أبيّ : - <i>abī</i>	جر مضاف إليه <i>jar</i> sebagai yang disandar
3	<i>Yā' al-mutakallīm</i> (yang bersambung dengan kata kerja) ياء المتكلم (الياء المتصلة بالفعل تكون منصوبا)	ضَرَبَنِيْ - <i>darabani</i>	نصب مفعول به <i>nasab</i> sebagai penyambut

Jadual (1) yang dipaparkan menunjukkan perbezaan huruf Yā' dari sudut ilmu morfologi yang dikaitkan dalam tiga bentuk sistem *i'rab* yang berbeza. Oleh itu, kekeliruan dijangka berlaku jika penggunaan strukturnya tidak difahami seterusnya membawa kepada salah faham dari sudut makna mahupun terjemahan.

Ketiga: Fonetik

Huruf Yā' dari sudut fonetik bermaksud membawa bunyi bahasa tetapi tidak membawa sebarang makna. Walau bagaimanapun, ia terikat dengan kaedah sintaksis pada keseluruhan perkataan walaupun sebelum dimasukkan dalam struktur ayat. Kedudukan *i'rab*nya adalah seperti jadual (2) berikut:

Jadual 2 : Kaitan Huruf Yā' Dengan Fonetik Dan Sistem *I'rab*

No.	Jenis (Yā')	Contoh	Kedudukan Yā' di dalam <i>I'rab</i>
1	<i>Yā' al-muthannā manṣūb</i> dan <i>majrūr</i> yang bersandar dengan <i>idāfah</i> ياء المثني منصوب ومجرور مضافا	طالبي العلم – <i>ṭālibay al-'lmi</i>	الياء نيابة عن الفتحة/الكسرة لأنه مثني - Yā' ganti baris atas/bawah kerana bermaksud dua.
2	<i>Yā' jama' al-mudhakkar as-sālim manṣūb</i> dan <i>majrūr</i> yang bersandar dengan <i>idāfah</i> ياء جمع المذكر السالم منصوب ومجرور مضافا	طالبي العلم – <i>ṭālibī al-'lmi</i>	الياء نيابة عن الفتحة/الكسرة لأنه جمع مذكر سالم - Yā' ganti baris atas/bawah kerana bermaksud ramai lebih dari dua.
3	<i>Yā' al-asmā' al-khamsah majrūr</i> ياء الأسماء الخمسة مجرورا	لأبي بكر – <i>li abī bakr(in)</i>	الياء نيابة عن الكسرة لأنه من الأسماء الخمسة - Yā' ganti baris bawah kerana salah satu dari kata <i>ism</i> yang lima.
4	<i>Ism manqūṣ</i> : اسم منقوص	القاضي – <i>al-qaḍī</i>	مرفوع ومجرور: مقدره منصوب: ظاهرة -hukum 'marfū' dan majrūr' muqaddarah -hukum 'mansūb' Yā'nya berbaris atas jelas.
5	<i>Mudāri' mu'tal bi al-Yā'</i> مضارع معتل بالياء	ياقدي – <i>yaqḍī</i>	مرفوع: مقدره منصوب: ظاهرة ومجزوم: حذف آخر -'marfū'' muqaddarah, 'mansūb' jelas, 'majzūm' dibuang

Walaupun huruf Yā' dari sudut fonetik tidak membawa sebarang makna namun kesilapan dan kekeliruan memandang huruf Yā' sebagai huruf tunggal akan sering berlaku sekiranya tidak difahami dengan jelas fungsinya.

TEORI REVISI BLOOM (2001)

Teori Revisi Bloom (2001) memberi fokus pada proses pembelajaran iaitu dengan merancang kurikulum pengajaran dan pembelajaran. Ia disusun dengan enam aras dalam bentuk hierarki dari urutan terendah hingga peringkat tertinggi. Kerangka ini dinamakan dimensi proses kognitif dan boleh dilihat pada rajah (2) berikut:



Rajah (2) : Hierarki Bloom Revisi Bloom

Ringkasnya, revisi taksonomi Bloom menggambarkan proses pembelajaran dari cara memproses maklumat sehingga proses teratas iaitu mereka suatu yang baharu.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian lapangan berbentuk kualitatif. Rakaman temu bual dilakukan selang tiga jam selepas responden membuat ujian bertulis. Lapan orang responden terdiri daripada para pelajar perempuan Madrasah Alsagoff Al-Arabiah dari peringkat darjah enam hingga menengah tiga dengan setiap dua pelajar mewakili kelas mereka dipilih secara rawak.

Secara keseluruhan, sebanyak empat soalan yang dikemukakan, namun hanya dua bentuk soalan yang berkaitan dengan *i'rab*, iaitu arahan untuk:

- (i) membulatkan jawapan yang betul ke atas hukum huruf Yā’.
- (ii) mengi'rabkan dan menjelaskan sebab musababnya terhadap dua perkataan yang bergaris daripada ayat yang diberi.

Proses analisis data pula diurus secara manual berpandukan kerangka (*template*) yang menilai, mengukur dan memadankan jawapan berdasarkan tahap kerangka teori revisi Bloom bermula dari aras terendah ‘mengingat’, ‘memahami’, ‘mengaplikasi’ hingga ke aras keempat ‘menganalisis’ (Noraini Idris, 2010).

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Dapatan yang diterima telah bertepatan dengan pepadanan soalan yang direka mengikut tahap empat teori revisi Bloom iaitu ‘menganalisis’ namun tidak kurang juga yang tidak mampu mencapai tahap tersebut, malah hanya pada aras satu ‘mengingat’ dan dua ‘memahami’.

Pertama: Tahap ‘Mengingat’

Seorang responden menyatakan ayat berikut: لا تُهْمِلِي فِي الدروس ! adalah bentuk *fi'il amar* (kata kerja perintah) “*tuhmilī dia fe'il amar dan aahh dia, dia bukan ape.. aah.. fi'il amar lah tapi ...*”. Setelah menyatakan sedemikian beliau tidak yakin pula dengan jawapannya seperti berikut .., “*...ayat perin-... tak yakin.. hahaha..*” (ketawa dengan jawapan yang diberi sendiri)...” Akhirnya menyatakan beliau perlu mengulang semula hukum sintaksisnya yang terlebih dahulu untuk mengingat semula fakta dalam ingatan jangka panjangnya supaya dapat

dikaitkan dengan masalah yang ditanya, “yang penting, yang penting saya kena recap balik sebab barang2 semua kat jilid satu, ni rasa tak dapat recap langsung, and really....”.

Responden yang sama ini tidak dapat membezakan fungsi Yā’ antara ayat di atas dengan ayat berikut sama ada ia dii’rabkan secara berasingan atau tidak, penerangan tepat tapi salah bila diertikan:

وَقَرَّ الْمُتَعَلِّمُونَ مُدْرِسِيَّ الْمَعْهَدِ

Responden menjawab, “Rasa-rasa Yā’ tu memang in one word sekali”, dan berubah hukum bila menerangkan dari segi semantik pula, “Yā’ tu mutakkailimi. Macam guru saya gitu.

Responden pada aras ini mempunyai pengetahuan sintaksis yang terbatas sekali. Implikasinya membawa kepada terjemahan yang salah pada maksud ayat. Responden pada aras ini juga selalu memandang Yā’ yang ada sebagai Yā’ yang membawa makna ‘saya’.

Kedua: Tahap ‘Memahami’

Terdapat responden lain yang berada dalam aras ini memberi jawapan yang tepat juga iaitu *kasrah zāhirah* pada soalan berikut:

سَلَّمْتُ عَلَى أُمِّي

Responden memberi penerangan atas jawapannya, “bukan, aah first time saya fikir is selepas harfu jar mesti *kasrah*, jadi saya letak *kasrah zāhirah* bukan *muqaddarah*”

Jawapan responden di atas walaupun betul namun penerangan yang diberi kurang tepat dalam bentuk analisis *i’rab* akibatnya terdapat responden yang membuat kesalahan dalam menentukan jawapan pada ayat yang sama di atas tetapi ia sebagai *kasrah muqaddarah*.

Seperti jawapan responden berikut, “sallamtu a’la ummi (سلمتُ على أمي) Ummi dia *kasrah muqaddarah* sebab ummi arrmm selepas dia tak ada apa-apa macam aaahh muḍāf ilaihi so ummi kirakan, aah apa tu.. Yā’ mutakallim, so dia *kasrah muqaddarah*...”. Walaupun hukum sintaksisnya tepat iaitu ia adalah Yā’ mutakallim namun responden tetap tidak sedar bahawa hukum sintaksis Yā’ mutakallim selepas *harfu jar* adalah *kasrah zāhirah*.

Kesimpulannya responden dalam tahap memahami ini belum mampu memberikan penjelasan yang tepat dalam menganalisis perkataan dalam bentuk *i’rab*.

Ketiga: Tahap ‘Menganalisis’

Hasil analisis mendapati hanya segelintir pelajar yang mampu membezakan, menentukan dan mengaitkan fungsi huruf Yā’. Seperti contoh soalan kesebelas dalam bahagian ketiga, jawapan sebenar bagi Yā’ yang digariskan ialah pelaku (*fā’l*):

لا تُهْمِلِي فِي الدُّرُوسِ !

Responden telah memberikan jawapan yang tepat dan mampu menganalisis dengan baik “.. tuhmili dia hazaf nun dia, Yā’ tuh- dia actually tuhmiliina tapi ada huruf arr majzum kat depan so dia nak kena hazaf arr nun dia, la tuhmili , so nak kena hazaf nun dia..”. Responden juga menambah, “Yā’ dia sebagai *fā’l* dia” .

Di dalam ayat yang sama, terdapat responden lain yang menerangkan dengan gaya yang berbeza tetapi dengan jawapan yang sama dan tepat, “la tuhmilī, la arrmm dia tak

tarukkan ada apa-apa nama kat sini, so tuhmilī dia actually tuhmilīna, tuhmilīna anti, so anti tu kat dalam dia punya fe'l, so kita tahu yang Yā' tu fī mahalli raf'in fā'l."

Berdasarkan temu bual, responden ini memandang ayat tersebut dengan ketiadaan kata nama pada kata kerja *la tuhmilī*, "*la tuhmilī, la arrmm dia tak tarukkan ada apa-apa nama kat sini*", dan beliau juga tahu bahawa *tuhmilīna* adalah kata dasar pada kata kerja tersebut "*so tuhmilī dia actually tuhmilīna*", dan seterusnya dapat mengaitkan fungsi Yā' pada kata kerja itu pada maksud ganti nama awak (*anti*) dalam ayat dan ia sebagai pelaku.

CADANGAN

Untuk memantapkan pembelajaran sintaksis dalam *i'rab*, beberapa cadangan seperti berikut perlu dipertimbangkan:

- (1) Ilmu sintaksis bahasa Arab mesti diajar dengan memperkenalkan kaedah-kaedah yang jelas dan mudah untuk diingati.
- (2) Latih tubi dengan pelbagai bentuk atau corak soalan dan ayat adalah penting terutama latih tubi dalam menghubungkan dalam *i'rab* kerana dengan bentuk *i'rab* pelajar dapat sentiasa mengingat kembali topik-topik yang telah dipelajari dan mengaitkan pula dengan topik yang sedang dipelajari.
- (3) Aktiviti yang menyeronokkan seperti kem nahu merupakan contoh yang wajar dilaksanakan sebagai salah satu cara untuk memperkukuhkan ingatan jangka panjang.
- (4) Seorang guru sintaksis harus mampu menerangkan dengan jelas penggunaan *i'rab* antara *niabah*, *zāhirah* atau *muqaddarah* dalam penggunaan fungsi huruf Yā'.

KESIMPULAN

Kebanyakan responden didapati mempunyai pengetahuan asas dalam mengenal dan mengingat maklumat tentang kepelbagaian huruf Yā'. Namun, pelajar yang mampu berada pada tahap 'menganalisis' adalah pelajar yang mampu membezakan, menentukan dan mengaitkan pelbagai fungsi Yā' yang ada dengan menggunakan kekuatan kaedah sintaksis yang tepat lagi konkrit. Manakala pelajar yang berada pada aras kedua 'memahami' masih belum mampu memberikan penjelasan yang tepat dalam menganalisis perkataan dalam bentuk *i'rab*. Apatah lagi pelajar yang berada tahap asas sintaksis 'mengingat', akibatnya mereka akan mula berasa dan beranggapan bahawa ilmu sintaksis ini adalah ilmu yang amat sukar untuk difahami lagi rumit.

RUJUKAN

- Abdul al-Rahman bin Muhammad bin Khaldun. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Juz 1. Beirut.
- Abdul Ghani Md. Hassan. (1999). *Kesilapan Membina Ayat Asas Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Anderson, Lorin W. & Krathwohl, David R. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: a Revision of Bloom's Taxonomy*. New York: Longman Publishing.
- Ashinda Aladdin. (1998). *Kekeliruan Antara Al-Idāfat dan Al-Na'at di Kalangan Pelajar Melayu*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi kedua. Mc Graw Hill Malaysia Sdn. Bhd.

- Janudin Sardi.(2009).*Pembelajaran Nahu dalam Bahasa Arab Komunikasi Menggunakan Aplikasi Multimedia Berasaskan Web*. Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Madrasah Alsagoff Al-Arabiah.(1982).*Assirat*.Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura.
- Mohd Zaki Abd. Rahman. (2001). Huruf Dalam Bahasa Arab: Nilai Dan Kegunaannya. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Alwī Al-īderūs. (1999). *Al-Nahw al-‘Arabiyy Al-Jadīd*. Jilid 1-3. Cetakan Pertama. Singapura: Pustaka Nasional Ptd Ltd.
- Muhammad Mukrim bin Manzūr. (2010). *Lisān al-‘Arab*. Jilid 15. Beirut: Dār Sāder.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi*. (2008). Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaila Zailani @ Haji Ahmad dan Salamiah Ab. Ghani dan Ummu Hani Hj. Hashim dan Khazri Osman dan Zainuddin Ismail dan Hakim Zainal. (2012). *Modul Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. Unit Bahasa Arab, UKM, Bangi. 255-256.